

Takaful Kebakaran Jangka Panjang

# Pelan perlindungan perumahan penjawat awam



*Bukan sahaja Takaful,  
Etiqa Takaful*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)). | Ahli PIDM

# Lindungi kediaman anda untuk orang yang tersayang

Takaful Kebakaran Jangka Panjang Etiqa ialah pelan yang melindungi rumah anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, letusan, banjir dan banyak lagi.

## Manfaat Utama

Melindungi kerugian atau kerosakan rumah seperti di bawah:

Jenis Manfaat	Pakej Asas	Pakej Komprehensif
Kebakaran, kilat dan letusan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik	Dilindungi	Dilindungi
Pesawat udara dan/atau peranti udara yang gugur daripadanya	Dilindungi	Dilindungi
Hentaman oleh sebarang kendaraan atau haiwan	Dilindungi	Dilindungi
Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip	Dilindungi	Dilindungi
Kecurian dengan pemecahan menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam dan keluar dari rumah	Dilindungi	Dilindungi
Ribut, puting beliung dan angin taufan	Dilindungi	Dilindungi
Gempa bumi atau letusan gunung berapi	Dilindungi	Dilindungi
Banjir	Dilindungi	Dilindungi
Penenggelaman dan gelinciran tanah	Tidak dilindungi	Dilindungi
Kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya	Tidak dilindungi	Dilindungi

### Nota:

- 1) Tempoh perlindungan adalah berdasarkan tempoh pembiayaan perumahan seperti yang dipersetujui antara anda dan pembiaya pinjaman perumahan anda, contoh: Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Etiqa Unit Perniagaan Kerajaan.
- 2) Pakej manfaat baharu adalah tersedia bagi kelulusan pembiayaan bermula daripada 9 Mei 2025 di bawah LPPSA.

## **Asas Kontrak**

---

### **Wakalah**

Produk ini menggunakan konsep Wakalah, di mana para peserta melantik kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Peserta juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang kami fikirkan sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk melabur dan mengurus dana, dengan syarat bahawa, sekiranya ada perwakilan sedemikian, kami akan bertanggungjawab terhadap semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut terhadap peserta.

### **Tabarru'**

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru', di mana para peserta bersetuju untuk membayar sumbangan mereka kepada dana bagi tujuan saling bantu membantu dan menolong mana-mana peserta lain yang memerlukan bantuan. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam dana tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, diagih 50% di kalangan peserta yang belum menamatkan sijil dan belum membuat apa-apa tuntutan di dalam tahun kewangan tersebut dan 50% kepada kami kerana mengendali dan menguruskan dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak ganjaran yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai amal jariah bagi pihak peserta.

## Takaful Kebakaran Jangka Panjang | Pengecualian Utama

---

Sijil ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a. Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa;
- b. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perang atau risiko seumpamanya;
- c. Kerosakan disebabkan oleh keganasan;
- d. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya.

**Nota:**

*Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.*

## Takaful Kebakaran Jangka Panjang | Nota Penting

---

Sila pastikan Jumlah Dilindungi untuk sesebuah bangunan mengikut kadar nilai semasa supaya anda mendapat jumlah yang sepatutnya sekiranya anda perlu membuat tuntutan kelak.

Tempoh penangguhan selama 60 hari akan diberikan dari tarikh perlindungan berkuat kuasa untuk pembayaran sumbangan.

Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.

Etiqa General Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Semua sumbangan (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa Cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.



**Etiqa Oneline 1300 13 8888**  
**[www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)**



**Etiqa General Takaful Berhad** (201701025031)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013  
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

**T** +603 2297 3888

**F** +603 2297 3800

**E** [info@etiqua.com.my](mailto:info@etiqua.com.my)

Hubungi kami di

   Etiqa  myetiqua